

KESAN PROGRAM LATIHAN PEMBIMBING RAKAN SEBAYA (PRS) KE ATAS TAHAP KONSEP KENDIRI, KEMAHIRAN KAUNSELING DAN ORIENTASI BELAJAR PELAJAR-PELAJAR

THE EFFECT OF PEER COUNSELING TRAINING TOWARDS STUDENTS' SELF-CONCEPT, COUNSELING SKILL AND STUDY ORIENTATION

**Othman Ab Rahman¹
Datin Sapora Sipon²
Roslee Ahmad³**

¹Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: othmanrahman@usim.edu.my)

²Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: sapora@usim.edu.my)

³Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: roslee@usim.edu.my)

Accepted date: 25-11-2018

Published date: 14-04-2019

To cite this document: Rahman, O. A., Sipon, S., & Ahmad, R. (2019). Kesan Program Latihan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) Ke Atas Tahap Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling dan Orientasi Belajar Pelajar-Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(29), 24-35.

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengukur kesan Program Latihan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) ke atas tahap Konsep Kendiri (KK), Kemahiran Kaunseling (KG) dan Orientasi Belajar (OB) pelajar-pelajar Tingkatan Empat sebuah sekolah berasrama. Seramai 90 orang subjek kajian telah dipilih dan dibahagikan kepada 3 kumpulan secara rawak. Kajian secara eksperimen ini dimulakan dengan ujian pra menggunakan Skala Konsep Kendiri Tennessee:2, Ujian Kemahiran Kaunseling, Skala Kebiasaan dan Sikap Belajar. Subjek kajian Kumpulan A menjalani Rawatan A (Program Latihan PRS+LAP), subjek kajian Kumpulan B yang menjalani Rawatan B (Program Kaunseling sahaja) manakala subjek Kajian Kumpulan C pula adalah kumpulan kawalan. Pada akhir kajian, ujian post menggunakan alat ukur yang sama seperti ujian pra dijalankan terhadap semua subjek kajian. Analisis MANOVA pada ujian pra KK, KG dan OB pada ketiga-tiga kumpulan A, B dan C menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Analisis MANCOVA pada ujian post bagi ketiga-tiga pemboleh ubah KK, KG dan OB antara kumpulan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, $p=0.000$ ($p<0.05$). Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan terdapat kesan yang signifikan dari aspek Konsep Kendiri (KK), Kemahiran Kaunseling (KG) dan Orientasi Belajar (OB) terhadap subjek yang

menjalani Program Latihan PRS+LAP berbanding dengan subjek kajian yang hanya menjalani Program Latihan PRS sahaja apalagi kumpulan C yang berperanan sebagai kumpulan kawalan. Pembentukan kumpulan PRS di sesebuah institusi pendidikan mampu meningkatkan tahap pengurusan kaunseling dan kepemimpinan pelajar ke arah menjadi role model yang berkesan kepada rakan sebaya dan seterusnya melahirkan generasi Islam yang berjaya.

Kata Kunci: Pembimbing Rakan Sebaya, Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling

Abstract: *This research was conducted to measure the effectiveness of Peer Counseling Training towards the subjects' self-concept, counseling skill and study orientation. Ninety Form Four students from one of the boarding school was selected as the subject for this study. They have been divided randomly into three groups namely Group A, B and C. This experimental research commences with a pre-test given to the subjects using Tennessee Self-concept Scale:2, Counseling Skill Test and Study Orientation Scale. The Group A subject had the Type A treatment (Peer Counseling Training + Practical Session) whereas Group B subject only attended the Peer Counseling Training (Type B Treatment). Group C serve as the control group. At the end of the research the subject was given with a post-test using the same three instruments during the pre-test. The MANOVA analysis conducted on the pre-test score shows that there's no significant difference between Group A, B and C's self-concept, counseling skill and study orientation. However, the MANCOVA analysis conducted upon the post-test shows that there's significant difference ($p=0.000$; $p<0.05$) between Group A, B and C's self-concept, counseling skill and study orientation. The findings from this research also shows that there's significant difference for subjects' self-concept, counseling skill and study orientation between Group A and B even though their training difference is only by a practical session. The researcher finds that the existence of peer counseling group in educational institution will be able to improvise the level of counseling management. At the same time, it enhances the students' leadership as they change to be an effective role model to their peer and thus leads to successful Muslim generation.*

Keywords: Peer Counseling, Self-Concept, Counseling Skill

Pendahuluan

Program latihan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) mula diperkenalkan di sekolah-sekolah di Malaysia sekitar tahun 1986. Falsafah penubuhannya ialah untuk mengambil peluang dari pengaruh rakan sebaya yang semakin kuat apabila remaja meningkat dewasa. Remaja dikatakan berasa lebih selesa apabila berbincang dengan rakan sebaya berbanding dengan ibubapa atau orang dewasa (Zuraidah, 1996). Mereka lebih suka menghabiskan masa dengan rakan sebaya kerana menganggap mereka lebih memahami tentang apa yang mereka mahu dari dunia persekitaran (Jas Laile Suzana, 2000). Remaja juga lebih gembira dan terbuka bersama rakan sebaya kerana rakan sebaya dapat memberi satu situasi yang bebas dari segala bentuk larangan atau sekatan. Keadaan seperti inilah yang digemari oleh remaja, iaitu bebas dan berkuasa menentukan cara hidupnya sendiri (Mahmood Nazar, 1990). Dalam satu kajian mendapati remaja menghabiskan lebih 50% daripada masa harian bersama rakan sebaya berbanding dengan hanya 5% daripada masa harian mereka bersama ibubapa (Csikszentmihalyi & Larson, 1984).

Latar Belakang Kajian

Pembentukan personaliti remaja boleh dipengaruhi oleh rakan sebaya. Interaksi antara remaja dengan rakan sebaya boleh membentuk hubungan yang intim (mesra). Hubungan intim ditunjukkan melalui perlakuan yang lebih bertanggungjawab, sikap ambil berat sehingga menjadikan rakan sebaya sebagai rujukan (Peterson & Tylor, 1980). Begitu juga pembentukan Konsep Kendiri remaja dipengaruhi oleh perhubungan dengan rakan sebaya. Konsep Kendiri terbentuk melalui penerimaan rakan sebaya terhadap remaja. Manakala remaja yang ditolak oleh rakan sebaya menunjukkan tingkahlaku lebih mementingkan diri sendiri, suka memberi komen yang menghina orang lain dan selalu mengeluh serta suka menyalahkan orang lain. Inilah ciri-ciri Konsep Kendiri negatif. Ia berlainan dengan remaja yang diterima oleh rakan sebaya yang akan membentuk Konsep Kendiri positif. Ini ditunjukkan melalui perlakuan seperti mudah mesra, murah hati, boleh memberi pujian, menghargai tindakan orang lain serta menerima pencapaian diri sendiri.

Rakan sebaya boleh menjadi tempat kepada remaja meluahkan perasaan dan menyelesaikan masalah (Jas Laile Suzana, 2000). Ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh remaja. Dalam keadaan ini, rakan sebaya berperanan sebagai rakan pendengar yang baik kepada remaja. Di samping itu, rakan sebaya juga dapat membantu remaja mencari identiti diri melalui aktiviti-aktiviti kumpulan. Memandangkan pengaruh ibubapa semakin berkurangan apabila remaja meningkat umur kepada 14-15 tahun, maka remaja lebih sukakan aktiviti-aktiviti berkumpulan (Berndt, 1979). Ini dikukuhkan lagi era zaman remaja yang dikatakan berada pada tahap “penonton imaginasi” (Elkind, 1980).

Dapatan dari kajian-kajian terdahulu menunjukkan program latihan yang seumpama PRS telah memberi kesan yang positif kepada pelajar-pelajar sekolah yang mengikutinya. Antara kesan positif yang dapat dikesan pada peserta kajian ialah meningkatnya tahap Konsep Kendiri (Mizan, 1987). Selain itu latihan ini juga dapat menambah keyakinan diri para pelajar di samping berasa lebih berani melibatkan diri dalam majlis perhimpunan sekolah serta menjayakan program orientasi sekolah (Bowman, 1986).

Dari aspek komunikasi pula, dapatan dari kajian-kajian lepas menunjukkan program latihan yang seumpama PRS telah berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang mampu memberi maklum balas dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan-rakan sekolah (Gray & Tindall, 1974). Program latihan ini juga berjaya membentuk rakan sebaya yang sedia mendengar masalah rakan-rakannya, menyelesaikan masalah rakan serta menunjukkan tingkahlaku baik kepada rakan lain seperti tidak ponteng sekolah (Gray & Tindall, 1974).

Selain daripada itu, dapatan kajian-kajian lepas juga menunjukkan program latihan yang seumpama PRS telah berjaya melahirkan rakan sebaya yang mampu menggerakkan aktiviti tutor sebaya di sekolah. Aktiviti tutor sebaya ialah suatu aktiviti belajar yang menggunakan waktu sebelum atau selepas waktu persekolahan. PRS yang terlibat akan menjadi tutor kepada pelajar-pelajar lain dalam menyelesaikan tugas sekolah serta menjalankan kelas pemulihan matapelajaran. Selain dari itu tutor sebaya juga bertugas memberi penjelasan kepada pelajar-pelajar yang tidak hadir sekolah tentang kerja rumah yang tidak difahami mereka.

Satu perkara menarik yang harus diberi perhatian dalam program latihan PRS ialah terdapatnya sesetengah pengkaji yang memasukkan Latihan Amali Dengan Penyeliaan (LAP) dalam modul latihan PRS (Leibowitz, 1974; Bowman & Myrick, 1987, 1980; Mizan, 1987). Dalam Latihan Amali Dengan Penyeliaan (LAP) ini, para pelajar dikehendaki menjalankan sesi kaunseling dengan rakan sebaya atau yang lebih muda secara rakaman kaset. Sesi kaunseling ini dijalankan

selama beberapa sesi dan minggu. Dapatan dari kajian menunjukkan PRS yang lebih *senior* ini telah menunjukkan contoh yang positif kepada pelajar-pelajar *junior* di samping menjadi sumber sokongan kepada kaunselor dan guru-guru (Leibowitz 1974, Bowman & Myrick 1980; 1987)

Memandangkan pengaruh rakan sebaya mampu mengubah sikap dan tingkahlaku remaja sebaya yang lain, maka Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan satu bentuk program intervensi yang dipanggil Program Pembimbing Rakan Sebaya atau PRS (Pekeliling Ikhtisas, 1984). Ini merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan untuk melatih pelajar-pelajar sekolah dengan kemahiran komunikasi dan kaunseling supaya menjadi rakan sebaya yang berkesan dalam membantu rakan sebaya yang lain.

Persoalan Kajian

Kini setelah hampir tiga puluh tahun Program PRS diperkenalkan di sekolah-sekolah di Malaysia, namun masih kurang penyelidikan dijalankan berhubung dengan keberkesanan Program Latihan PRS di sekolah-sekolah kecuali Mizan (1987) dan Othman (2006). Memandangkan kajian mengenai keberkesanan Program Latihan PRS di sekolah-sekolah di negara ini begitu terhad, di samping arahan Kementerian Pendidikan melalui Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2001 melibatkan pelaksanaan Program Latihan PRS di sekolah-sekolah, maka adalah wajar kajian ini dibentangkan semula oleh pengkaji untuk dijadikan salah satu agenda pengurusan kaunseling sekolah yang berkesan.

Persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini ialah adakah Program Latihan PRS yang dijalankan dapat meningkatkan tahap Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling serta Orientasi Belajar pelajar-pelajar yang mengikutinya memandangkan sikap remaja yang lebih suka melaksanakan aktiviti bersama rakan sebaya (Csikszentmihalyi & Larson, 1984) dan secara berkumpulan (Berndt, 1979). Persoalan kedua pula, adakah terdapat perbezaan kesan dari aspek Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling dan Orientasi Belajar antara pelajar-pelajar yang mengikuti program latihan PRS beserta Latihan Amali Dengan Penyeliaan (LAP) berbanding dengan pelajar-pelajar yang hanya mengikuti program latihan PRS sahaja sepertimana kajian yang telah dilaksanakan oleh Leibowitz (1974), Bowman dan Myrick (1987; 1980) dan Mizan (1987).

Objektif Kajian

Untuk menjawab persoalan kajian di atas, pengkaji menyenaraikan dua objektif kajian yang ingin dicapai seperti berikut:

- 1) Untuk mengukur keberkesanan Program Latihan PRS dalam meningkatkan tahap Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling dan Orientasi Belajar pelajar-pelajar yang mengikutinya.
- 2) Untuk mengukur jenis program latihan yang manakah samada Program jenis A, B atau C yang dapat meningkatkan tahap Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling dan Orientasi Belajar di kalangan pelajar-pelajar yang mengikutinya.

Skop Kajian


Skop kajian ini adalah untuk menentukan kesan dua program latihan PRS iaitu Program Latihan PRS yang diikuti dengan Latihan Amali Dengan Penyeliaan (LAP) (Rawatan A) dan juga Program Latihan PRS sahaja (Rawatan B) terhadap subjek kajian. Subjek kajian adalah seramai 90 orang terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Berasrama Penuh dari Tingkatan Empat. Subjek kajian akan diberi latihan selama 36 jam. Ujian pra dan ujian post diberikan kepada subjek untuk mengukur kesan latihan yang diberikan terhadap konsep kendiri, kemahiran kaunseling dan orientasi belajar subjek.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini diasaskan daripada beberapa teori dan model Psikologi Pembelajaran dan Kaunseling. Antaranya ialah Teori Pemusatan Klien (Carl Rogers, 1961), Teori Motivasi Pencapaian (McClelland, 1961), Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1967) serta Model Hirarki Mikroskil Ivey (Ivey, 1994). Dalam kajian ini pengkaji ingin mengukur kesan pembolehubah tidak bersandar terhadap pembolehubah bersandar. Antara pembolehubah tidak bersandar ialah Program Latihan PRS dan Latihan Amali Dengan Penyeliaan (LAP). Manakala pembolehubah bersandar ialah tahap Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling dan Orientasi Belajar. Hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Pembolehubah Tidak Bersandar


Pembolehubah Bersandar



Rajah 1: Hubungan Antara Pembolehubah Bersandar dan Pembolehubah Tidak Bersandar Bagi Program Latihan PRS

Pembolehubah Tidak Bersandar

Pembolehubah Bersandar



Rajah 2: Hubungan Antara Pembolehubah Bersandar dan Pembolehubah Tidak Bersandar Bagi Latihan Amali dan Penyeliaan

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimental iaitu *Pretest Posttest Control Group Design* (Stanley & Campbell, 1963). Kaedah eksperimental digunakan apabila pengkaji memanipulasi pembolehubah tidak bersandar untuk menganalisis kesannya. Kaedah eksperimental telah digunakan oleh Albert Bandura (1961) di dalam eksperimen Patung Bobo (*Bobo Doll Experiment*) yang telah melahirkan Teori Pembelajaran Sosial. Menurut Singh (2006), kajian eksperimental yang baik akan memastikan kesan rawatan yang diberikan tidak tercemar (*unbiased*), membolehkan dapatan kualitatif sebagai kesan daripada rawatan diperolehi, membolehkan hipotesis diuji secara objektif di samping menjimatkan kerana tidak melibatkan jumlah subjek yang terlalu banyak.

Seramai 90 orang subjek kajian dari kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat di sebuah Sekolah Berasrama Penuh dibahagikan secara rawak kepada tiga kumpulan yang dinamakan kumpulan A, B dan C. Subjek kajian yang dipilih dan dibahagikan kepada tiga kumpulan adalah bersifat homogenus. Mereka mempunyai beberapa ciri persamaan seperti umur, tingkatan, pencapaian PMR dengan jumlah subjek kajian dalam setiap kumpulan adalah sama. Selain daripada itu, memandangkan lokasi kajian merupakan sebuah sekolah berasrama penuh yang baru dibuka, maka subjek kajian adalah pelajar-pelajar kumpulan perintis yang datang dari pelbagai sekolah menengah seluruh Malaysia. Ini menunjukkan semasa kajian dijalankan masih belum wujud budaya sekolah yang jelas.

Subjek kajian kumpulan A akan menerima program latihan PRS serta Latihan Amali Dengan Penyeliaan (LAP). Manakala subjek kajian kumpulan B hanya menerima program latihan PRS sahaja. Subjek kajian kumpulan C pula adalah kumpulan kawalan, di mana subjek kajian tidak menerima apa-apa program latihan. Ringkasan reka bentuk kajian adalah seperti berikut:

Jadual 1: Ringkasan Rekabentuk Kajian

Kumpulan	Ujian Pra	Latihan	Ujian Post
K _A	X ₁	O ₁₊₂	X ₂
K _B	X ₁	O ₃	X ₂
K _C	X ₁		X ₂

Panduan:

K_A : Kumpulan A

K_B : Kumpulan B

K_C : Kumpulan C (Kumpulan Kawalan)

X₁ : Ujian Pra

X₂ : Ujian Post

O₁₊₂ : Program Latihan PRS + Latihan Amali dan Penyeliaan (LAP)

O₃ : Program Latihan PRS sahaja

a) Ujian Pra (X₁)

Ujian pra dijalankan kepada semua subjek pada awal kajian. Semasa ujian pra, subjek kajian diberi tiga jenis alat ukur untuk dijawab iaitu Skala Konsep Kendiri Tennessee (TSCS:2), Tinjauan Kemahiran Kaunseling (TKK) (Othman, 2002) dan Alat Ukur Orientasi Belajar - *Form H* (Brown, W.F & Holtzman, W.H, 1967).

b) Program Latihan PRS + Latihan Amali Dengan Penyeliaan (LAP) - O₁₊₂

Program latihan ini diberikan kepada subjek kajian kumpulan A sahaja. Jumlah tempoh latihan adalah selama 36 jam. Pecahan bagi setiap modul pembolehubah dengan tempoh latihan ialah 12 jam untuk pembolehubah Konsep Kendiri, 12 jam untuk pembolehubah Kemahiran Kaunseling dan 12 jam lagi untuk pembolehubah Orientasi Belajar. Selepas itu subjek kajian kumpulan A akan menjalani latihan amali yang diselia dan dipantau oleh pengkaji. Antara aktiviti yang terkandung dalam amali ialah *reachout*, kaunseling sebaya dan tutor sebaya. Mereka menjalankan latihan amali terhadap sekumpulan pelajar-pelajar *junior* daripada Tingkatan Satu.

c) Program Latihan PRS (O₃)

Program latihan ini diberikan kepada subjek kajian kumpulan B sahaja. Jumlah tempoh latihan selama 36 jam. Pecahan bagi setiap modul pembolehubah dengan tempoh latihan adalah sama seperti yang diterima oleh subjek kajian kumpulan A. Bagaimanapun, subjek kajian kumpulan B tidak menjalani Latihan Amali Dengan Penyeliaan (LAP).

d) Subjek Kajian Kumpulan C (Kumpulan Kawalan)

Subjek kajian kumpulan C hanya menjalankan Ujian Pra dan Ujian Post sahaja. Mereka tidak menerima apa-apa latihan sepanjang tempoh kajian dijalankan.

e) Ujian Post (X₂)

Ujian post dijalankan kepada semua subjek kajian kumpulan A, B dan C pada akhir kajian setelah semua program latihan ditamatkan. Semasa ujian post semua subjek kajian menjalani ujian yang sama seperti ujian pra. Mereka diberi tiga jenis alat ukur untuk dijawab iaitu Skala Konsep Kendiri Tennessee (TSCS:2), Tinjauan Kemahiran Kaunseling (TKK) (Othman, 2002) dan Alat Ukur Orientasi Belajar - *Form H* (Brown, W.F & Holtzman, W.H, 1967).

Analisis Data

Beberapa kaedah analisis data digunakan untuk menjawab objektif kajian, soalan kajian dan hipotesis kajian yang dikemukakan dalam kajian ini. Analisis pengujian hipotesis meliputi dua

bahagian. Bahagian pertama merupakan pengujian data secara keseluruhan menggunakan analisis MANOVA dan MANCOVA bagi pembolehubah yang melibatkan kovarian. Bahagian kedua pula merupakan analisis pengujian secara lebih terperinci terhadap perbezaan skor min setiap pembolehubah berdasarkan kepada kesan program latihan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), terhadap Konsep Kendiri (KK), Kemahiran Kaunseling (KG) dan Orientasi Belajar (OB) pelajar-pelajar yang mengikutinya. Analisis data yang digunakan pengujian ini ialah ANCOVA, ANOVA dan Ujian T (*t-test*) sebagai kesinambungan daripada analisis MANOVA dan MANCOVA.

Dapatan Kajian

Data untuk ujian pra dan ujian post dikumpulkan mengikut kumpulan subjek kajian. Analisis MANOVA pada skor ujian pra bagi KK, KG dan OB ketiga-tiga kumpulan A, B dan C seperti di Jadual 2 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa subjek kajian kumpulan A, B dan C adalah setara dan tidak berbeza. Dapatan ini menunjukkan subjek memenuhi syarat untuk kajian eksperimental. Ini dikukuhkan lagi dengan Ujian Box's M yang membuktikan matrik kehomogenan varian-kovarian.

Jadual 2: Keputusan Analisis MANOVA Bagi Perbezaan Antara Skor Min Ujian Pra Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling Dan Orientasi Belajar Dengan Skor Setiap Kumpulan A, Kumpulan B Dan Kumpulan C

Kumpulan	Pembolehubah	JKD	dk	MKD	F	Tahap Signifikan
A, B dan C	KK Pra	1334.822	2	667.411	1.340	0.267
	KG Pra	14.467	2	7.233	0.657	0.521
	OB Pra	696.600	2	348.300	0.615	0.543

*Aras signifikan $p < 0.05$

Jadual 3: Ujian Box's M

Box's M	Nilai F	dk 1	dk 2	Tahap Signifikan
38.015	3.009	12	36680.538	0.0000*

*Aras signifikan $p < 0.01$

Seterusnya, analisis MANCOVA pada ujian post bagi ketiga-tiga pembolehubah KK, KG dan OB antara kumpulan pada Jadual 4 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, $p=0.000$ ($p < 0.05$). Selepas Program Latihan PRS dijalankan ujian post ke atas Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling dan Orientasi Belajar pada ketiga-tiga kumpulan A, B dan C menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa Program Latihan PRS telah memberi kesan skor terhadap subjek kajian.

Jadual 4: Keputusan Analisis MANCOVA Bagi Perbezaan Antara Skor Min Ujian Post Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling Dan Orientasi Belajar Setiap Kumpulan

Kumpulan	Pembolehubah	JKD	dk	MKD	F	Tahap Signifikan
A, B dan C	KK Post	33068.981	2	16534.490	19.449	0.000*
	KG Post	1208.730	2	604.365	49.431	0.000*
	OB Post	6081.596	2	3040.798	8.718	0.000*

*Aras signifikan $p < 0.05$

Analisis ujian ANCOVA pada setiap pembolehubah KK, KG dan OB antara ujian pra dan ujian post pada ketiga-tiga kumpulan A, B dan C menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, $p=0.000$ ($p<0.05$). Jadual 5 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan skor min ujian post bagi tahap Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling dan Orientasi Belajar pada ketiga-tiga kumpulan A, B dan C

Jadual 5: Keputusan Analisis ANCOVA Skor Min Ujian Post Bagi Konsep Kendiri (KK), Kemahiran Kaunseling (KG) dan Orientasi Belajar (OB) Antara Kumpulan A, B Dan C

Pembolehubah Bersandar	Pembolehubah Tidak Bersandar	JKD	dk	MKD	F	Tahap Signifikan
KK post	KK pra	12549.287	1	12549.287	14.010	0.000*
KG post	KG pra	232.370	1	232.370	19.030	0.000*
OB post	OB pra	21033.421	1	21033.421	61.042	0.000*

*Aras signifikan $p<0.05$

Analisis kuantitatif diakhiri dengan Ujian T untuk mengukur perbezaan skor antara ujian pra dan post bagi setiap pembolehubah KK, KG dan OB untuk setiap kumpulan A, B dan C. Jadual 6, menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dengan ujian post bagi pembolehubah Konsep Kendiri subjek kajian kumpulan A. Namun demikian, skor min ujian pra dan ujian post bagi subjek kajian kumpulan B dan C tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa Program Latihan PRS + LAP berjaya meningkatkan tahap Konsep Kendiri subjek kajian kumpulan A.

Jadual 6: Keputusan Analisis Ujian T Konsep Kendiri (KK) Bagi Kumpulan A, Kumpulan B Dan Kumpulan C

Kumpulan	Konsep Kendiri (KK)		Perbezaan Min	t	dk	Sig (2-tailed)	Perbezaan Interval Kebolehppercayaan (CID 95%)	
	Pra	Post					Bawah	Atas
A	274.0667	300.4000	26.333	6.283	29	0.000*	30.9048	17.7619
B	269.3667	253.6667	-15.7000	2.192	29	0.037	1.0481	30.3519
C	278.8000	267.4000	-11.4000	2.072	29	0.047	0.1449	22.6551

*Aras signifikan $p<0.05$

Jadual 7 pula menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara ujian pra dengan ujian post bagi pembolehubah Kemahiran Kaunseling bagi subjek kajian kumpulan A dan B. Subjek kajian kumpulan C yang tidak menjalani apa-apa latihan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Ini menunjukkan Program Latihan PRS + LAP dan Program Latihan PRS yang dijalankan oleh subjek kajian kumpulan A dan B telah berjaya meningkatkan skor Kemahiran Kaunseling mereka.

Jadual 7: Keputusan Analisis Ujian T Kemahiran Kaunseling (KG) Bagi Kumpulan A, Kumpulan B Dan Kumpulan C

Kumpulan	Kemahiran Kaunseling (KG)		Perbezaan Min	t	dk	Sig (2-tailed)	Perbezaan Interval Kebolehpercayaan (CID 95%)	
	Pra	Post					Bawah	Atas
A	21.6333	31.3667	-9.7333	-13.495	29	0.000*	-11.1609	-8.3058
B	20.6667	28.1667	-7.5000	-8.845	29	0.000*	-9.2342	-5.7658
C	21.3000	22.4333	-1.1333	-2.125	29	0.042	-2.2241	-0.0425

*Aras signifikan $p < 0.05$

Manakala Jadual 8 pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dengan ujian post bagi pembolehubah Orientasi Belajar bagi subjek kajian kumpulan A sahaja. Ini menunjukkan Program Latihan PRS + LAP yang dijalankan oleh subjek kajian kumpulan A berjaya meningkatkan skor Orientasi Belajar.

Jadual 8: Keputusan Analisis Ujian T Orientasi Belajar (OB) Bagi Kumpulan A, Kumpulan B Dan Kumpulan C

Kumpulan	Orientasi Belajar (OB)		Perbezaan Min	t	dk	Sig (2-tailed)	Perbezaan Interval Kebolehpercayaan (CID 95%)	
	Pra	Post					Bawah	Atas
A	102.9667	112.8333	-9.8667	-3.159	29	0.004*	-16.2540	-3.4793
B	102.0667	102.5667	-0.5000	-0.139	29	0.890	-7.8427	6.8427
C	108.3667	96.4000	11.9667	2.802	29	0.009*	3.2334	20.6999

*Aras signifikan $p < 0.05$

Perbincangan Dan Penutup

Analisis statistik inferensi MANCOVA dan ANCOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor min ujian post Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling dan Orientasi Belajar dengan skor min ujian pra pada ketiga-tiga kumpulan A, B dan C. Ini menunjukkan bahawa terdapat keberkesanan Program Latihan PRS terhadap subjek kajian. Dapatan kajian ini menyokong keputusan kajian Mizan Adiliah (1987) dan Bowman dan Myrick (1980) yang mendapati bahawa rawatan kaunseling sebaya dapat meningkatkan tahap Konsep Kendiri pembimbing rakan sebaya. Begitu juga keputusan dari kajian Humpries (1999), McFarland dan Culp (1992), Robinson et.al (1991), Morey et.al. (1993) yang mendapati latihan kaunseling sebaya telah meningkatkan lagi Kemahiran Kaunseling dan kemahiran interpersonal para pesertanya.

Untuk menjawab persoalan perbezaan kesan antara Program Latihan PRS + LAP dengan Program Latihan PRS sahaja juga Kumpulan Kawalan, keputusan ujian t pada Jadual 6, Jadual 7 dan Jadual 8 telah menjelaskan persoalan ini. Dapatan kajian menunjukkan terdapat keberkesanan yang signifikan dari aspek KK, KG dan OB terhadap pelajar-pelajar yang menjalani program latihan PRS yang disusuli dengan LAP. Manakala pelajar-pelajar yang hanya menjalani program latihan PRS sahaja, tidak menunjukkan peningkatan tahap KK dan OB kecuali KG. Ini menunjukkan Program Latihan PRS yang diikuti dengan latihan amali telah berjaya meningkatkan tahap Konsep Kendiri, Kemahiran Kaunseling dan Orientasi

Belajar pelajar-pelajar kumpulan A. Manakala Program Latihan PRS yang tidak disusuli dengan latihan amali tidak mampu meningkatkan tahap Konsep Kendiri dan Orientasi Belajar pelajar-pelajar.

Satu nilai tambah yang diperolehi dari kajian ini ialah dari aspek pentingnya latihan amali atau *follow-up* selepas sesuatu program latihan dijalankan. Melalui latihan amali, para pelajar dapat mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk membantu rakan-rakan sebaya yang lain. Selain itu prestasi peserta kumpulan C berdasarkan dapatan kajian ini juga menarik perhatian untuk dibincangkan. Tahap Konsep Kendiri dan Orientasi Belajar peserta kumpulan C telah merosot apabila dibandingkan antara ujian pra dengan ujian post mereka. Selama kira-kira tiga bulan para pelajar kumpulan C tidak menerima apa-apa latihan menyebabkan tahap Konsep Kendiri dan Orientasi Belajar mereka telah merosot daripada sebelum latihan. Ini menunjukkan bahawa program latihan sangat penting dalam mengekalkan prestasi tahap Konsep Kendiri dan Orientasi Belajar seseorang pelajar itu.

Kesimpulan yang boleh dibuat daripada kajian ini, Program Latihan PRS mampu disandarkan sebagai harapan untuk melahirkan sekumpulan pelajar yang dapat membantu meningkatkan prestasi pengurusan kaunseling serta kepemimpinan di sesebuah institusi pendidikan kerana mereka mampu menjadi *role model* yang berkesan kepada rakan-rakan dan seterusnya melahirkan generasi Islam yang berjaya. Ia sepertimana firman Allah s.w.t. dalam Surah Al Maidah, ayat 2 yang bermaksud:

“....dan bertolong-tolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan bertaqwa dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan kemungkaran...”

Rujukan

- Al Quran. 2008. Tafsir Mahmud Yunus. Kelang Books Centre. Kuala Lumpur.
- Bandura, A. & Jeffery. 1973. *Aggression: a social learning analysis*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Bandura, A. 1977. *Social learning theory*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Bowman, R.P. & Myrick, R.D. 1980. I'm a junior counselor, having lots of fun. *The School Counselor* **27**: 31-37.
- Bowman, R.P. & Myrick, R.D. 1987. Effect of an elementary school peer facilitator program on children with behavior problems. *The School Counselor* **34** (5): 389-378.
- Bowman, R.P. 1986. Peer facilitator programs for middle graders: students helping each other grow to up. *The School Counselor* **33**: 221-229.
- Cartwright, N. 1996. Combating bullying in school: the role of peer helpers. Dlm. Cowie, H. & Wallace, P. (pnyt). *Peer support in action*, hlm. 16-22. London: SAGA Publication.
- Christensen, L.B. 1997. *Experimental methodology*. Boston: Allyn and Bacon.
- Corn, K.L. & Moore, D.D. 1992. Reach for the STARS – students teaching and reaching students: a two-faceted peer facilitating program at Greenfield-Central High School. *The School Counselor* **40**: 69-72.
- Cowie, H. & Wallace, P. 2000. *Peer support in action*. London: SAGA Publication.
- Cowie, H., Smith, P.K., Boulton, M., & Laver, R. 1994. *Cooperation in the multi-ethnic classroom*. London: David Fulton Publishers.
- Downe, A.G., Altmann, H.A., & Nysetvold, I. 1986. peer counseling: more on emerging strategy. *The School Counselor* **33**: 355-364.
- Gray, H. D. & Tindall, J. 1974. Communication training study: a model for training junior high school counseling. *The School Counselor* **21**: 107-112.
- Ivey, A.E. 1996. *Intentional interviewing and counseling*. California: Brooks/Cole Publication.

- Jas Laile Suzana Jaafar. 2000. *Psikologi kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1984. *Panduan Pelaksanaan Khidmat Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2001*.
- Leibowitz, Z. & Rhoads, D.J. 1974. Adolescent peer counseling. *The School Counselor* **21**: 280-283.
- Mahmood Nazar. 1990. *Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkahlaku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McClelland, D.C. 1985. *Human motivation*. USA: Scott, Foresman and Company.
- McClelland, D.C., Atkinson, J.W., Clark, R.A. & Lowell, E.L. 1953. *The achievement motive*. New York: Appleton-Century-Crofts.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. 1987. A study of peer counseling in secondary schools in Malaysia. Tesis Ph.D. University of Wales, Aberystwyth.
- Rogers, C. R. 1951. *Client-centered therapy: its current practice, implications and theory*. London: Constable.
- Rogers, C. R. 1961. *On becoming a person*. London: Constable.
- Singh, Y. K. (2006). *Fundamental of research methodology and statistics*. New Delhi: New Age International.
- Stanley, J.C & Campbell, D.T. 1963. *Experimental and quasi-experimental designs for research*. Chicago: Rand McNally.
- Topping, K. & Ehly, S. (ed.) 1998. *Peer-assisted learning*. New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Topping, K. 1998. Paired learning in literacy. Dlm. Topping, K. & Ehly, S. (pnyt.). *Peer-assisted learning*, hlm. 5-15. New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Zuraidah Abdul Rahman. 1988. *Boleh saya tolong anda?*. Petaling Jaya: Times Books International.
- Zuraidah Abdul Rahman. 1996. *Pembimbing rakan sebaya: Langkah seterusnya*. Petaling Jaya: IBS Book.